

Taman Eko Rimba bakal dibuka semula

Shah Alam: Selepas sekian lama dilarang, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) membuka semula aktiviti pendakian dan Taman Eko Rimba bermula 1 Februari depan.

JPNS menerusi notis di laman Facebook memaklumkan, pembukaan semula aktiviti itu memabitkan enam Taman Eko Rimba dan 30 jalur pendakian.

Dalam pada itu JPNS turut memaklumkan perkhidmatan malim gunung perhutanan bagi negeri ini akan dikuatkuasakan bermula tarikh yang sama.

Menurutnya, sebanyak 18 bukit dan gunung diwajibkan bagi perkhidma-

tan itu.

“Bukit dan gunung terlibat adalah Gunung Semangkok, Gunung Hulu Kali, Bukit Genting Cin Cin, Gunung Rajah, Bukit Pokok Pine, Gunung Hulu Semangkok, Bukit Hulu Telang, Bukit Hulu Bakau dan Gunung Semangkuk Gap.

“Turut termasuk adalah Bukit Boyan, Gunung Ulu Lenik, Bukit Choroco, Bukit Kutu, Bukit Kunong, Bukit Unyang, Gunung Nuang, Gunung Hitam dan Bukit Cenuang,” katanya.

Sehubungan itu, JPNS mengingatkan orang ramai supaya mendapatkan permit bagi memasuki hutan simpan kekal berkenaan.